

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 02 JULAI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Debris at water intake point deeper than thought	The Star
2.	Rakyat Malaysia perlu bersedia hadapi cuaca panas, jerebu - JMM	BERNAMA
3.	Siap sedia hadapi cuaca lebih panas: Meteorologi	Berita Harian
4.	Sabah to draft quake - proof building code	The Star
5.	Gempa bumi lemah landa Ranau Rabu	BERNAMA
6.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Sabtu ini	BERNAMA
7.	Haze back in some parts of Malaysia	The Star
8.	Cabaran Sains Kebangsaan di SMK Labuan	BERNAMA

Debris at water intake point deeper than thought

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Removing the debris from Ranau's mudslide-hit Kampung Bambang water intake point turned out to be tougher than initially thought.

The 130m stretch of debris, including uprooted trees and rocks, that blocked the intake point, was actually deeper.

Ranau Water Department engineer Anthony Jullah said the pile-up that was thought to be only on the surface of the river was in fact about seven metres deep.

"We need more time to get them all out using excavators," he said, adding that the larger trunks on the surface had already been moved to the old district airport area.

He said clearing work at the Kampung Bambang intake point on the Liwagu river that supplies water to villagers in Mesilou, Kundasang and other areas was going well.

"So far, the weather has been favourable to clearing activities and we hope it would stay this way," Jullah said.

He said mud and debris at the other water intake point at Kampung Liposu that serves the Kimolohing water treatment plant had been cleared.

Ranau district officer Faimin Kamin said the trees and trunks that were removed would be analysed by the Science, Technology and Innovation Ministry and may be used to make handicraft.

The blockage at both water intake points



Plan B: Engineers and workers building an alternative water channel to the Kampung Bambang water intake point in Ranau.

came about a week after the quake hit Mount Kinabalu, bringing loosened soil and boulders down the mountain after heavy rains on June 14.



Rakyat Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Cuaca Panas, Jerebu - JMM

Laporan Khas Oleh Voon Miaw Ping

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu bersedia menghadapi cuaca lebih panas berikutan monsun barat daya yang sedang melanda negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata musim monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering, yang diramalkan berlanjutan hingga September.

"Hanya terdapat sedikit hujan, terutama pada awal pagi di kawasan pantai dan kawasan di selatan Selangor," katanya kepada Bernama di sini hari ini sambil menjelaskan bahawa keadaan cuaca mungkin bertambah buruk serta mengakibatkan jerebu sekiranya terdapat pembakaran terbuka secara berleluasa.

Pemerhatian rambang di sini hari ini mendapati keadaan agak berjerubu, tetapi, menurut Che Gayah, keadaan itu mungkin kerana tiada hujan sejak beberapa hari lepas.

Beliau berkata ia bukan berpunca daripada aktiviti gunung berapi di Gunung Sinabung di Sumatra Utara, walaupun abu gunung berapi menuju ke arah tengah Semenanjung Malaysia dengan ketinggiannya ketika melalui Semenanjung adalah lebih 6,000 kaki.

Berdasarkan imej terbaru satelit Pusat Meteorologi Khas ASEAN (AMSC), tiada tompok panas dikesan di Semenanjung Malaysia, tetapi terdapat masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

Semakan dengan Jabatan Alam Sekitar mendapati kesemua 52 kawasan yang dibuat pemantauan kualiti udara di seluruh negara hari ini menunjukkan Indeks Pencemaran Udara berada pada paras baik dan sederhana.

Sementara itu, presiden Persatuan Perubatan Malaysia Dr Ashok Philip berkata musim panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.

Katanya, keadaan itu boleh berlaku walaupun mereka tinggal di tempat teduh, manakala keadaan lebih teruk akan menimpa mereka yang terdedah secara langsung kepada cahaya matahari.

"Apabila kadar penyahhidratan meningkat, seseorang yang terjejas akan mula berasa lemah, pening dan tidak menentu atau keliru kerana tekanan darah mula menurun dan suhu tubuh pula meningkat.

"Untuk sentiasa berada dalam keadaan sejuk dan bagi mengelak daripada masalah berkaitan haba, minumlah banyak air," katanya kepada Bernama melalui e-mel Rabu, sambil menjelaskan bahawa mereka yang mengalami penyahhidratan perlu berpindah ke tempat sejuk dan minum banyak air.

"Beringatlah agar tidak meninggalkan seseorang dengan bersendirian di dalam kereta yang tidak bergerak dengan penghawa dinginnya ditutup dan tingkapnya pula tidak dibuka - suhu boleh meningkat dengan mendadak kepada lebih 50 darjah Celsius akibat kesan rumah tanaman," katanya.

Dr Ashok juga menasihati mereka yang berpuasa supaya sering minum air pada waktu malam dan menambah pengambilan bendalir sebelum memulakan puasa.

Kata beliau, walaupun langkah itu mungkin menimbulkan keadaan yang agak tidak selesa kerana boleh menyebabkan seseorang itu kerap ke tandas, tetapi itulah yang perlu dilakukan untuk terus berasa sejuk dan sihat.

-- BERNAMA

Siap sedia hadapi cuaca lebih panas: Meteorologi

Kuala Lumpur: Rakyat perlu bersedia menghadapi cuaca lebih panas berikutan monsun barat daya yang sedang melanda negara, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Katanya, musim monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan hingga September.

"Hanya sedikit hujan, terutama pada awal pagi di kawasan pantai dan selatan Selangor," katanya sambil menjelaskan, keadaan cuaca mungkin bertambah buruk serta mengakibatkan jerebu jika ada pembakaran terbuka secara berleluasa.

Pemerhatian rambang di sini semalam mendapati keadaan agak berjerebu, tetapi Che Gayah berkata, ia mungkin kerana tiada hujan sejak beberapa hari lalu.

Ia bukan berpunca daripada aktiviti gunung berapi di Gunung Sinabung di Sumatra Utara, walaupun abunya menuju ke arah tengah Semenanjung dengan ketinggian ketika melalui Semenanjung adalah lebih 6,000 kaki.

Berdasarkan imej terbaru satelit Pusat Meteorologi Khas ASEAN (AMSC), tiada tompok panas dikesan di Semenanjung, kecuali masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

Semakan dengan Jabatan Alam Sekitar mendapati, semua 52 kawasan yang dibu: kualiti udara di semalam, menurut Pencemaran Udara paras baik dan se. Sementara itu, tuan Perubatan

Ashok Philip berkata, musim panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.

Katanya, keadaan itu boleh berlaku walaupun mereka tinggal di tempat teduh, manakala keadaan lebih teruk akan menimpa mereka yang terdedah secara langsung kepada cahaya matahari.

Terasa lemah, pening

"Apabila kadar penyahhidratan meningkat, seseorang yang terjejas akan mula berasa lemah, pening dan tidak menentu atau keliru kerana tekanan darah mula menurun dan suhu tubuh pula meningkat.

"Untuk sentiasa dalam keadaan sejuk dan bagi mengelak masalah berkaitan haba, minumlah banyak air," katanya sambil menambah, mereka yang mengalami penyahhidratan perlu berpindah ke



Pemandangan di sekitar ibu negara diliputi jerebu serta musim monsun yang membawa cuaca panas serta kering dan musim kemarau diramal berlanjutan hingga September. (FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

INFO

Monsoon barat daya

● **Musim** monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan hingga September.

● **Tiada** tompok panas dikesan di Semenanjung, kecuali masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

● **Musim** panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.

tempat sejuk dan minum banyak air.

"Jangan meninggalkan seseorang bersendirian dalam kereta yang tidak bergerak dengan pendingin hawa ditutup dan tingkap tidak dibuka. Suhu boleh meningkat mendadak kepada lebih 50 darjah Celsius," katanya.

Dr Ashok juga menasihatkan mereka yang berpuasa supaya sering minum air pada waktu malam dan menambah pengambilan bendalir sebelum memulakan puasa untuk terus berasa sejuk dan sihat.

Sementara itu, jerebu yang me-

landa negara ketika ini, terutama di Lembah Klang, berpunca daripada udara kotor yang terkumpul seperti asap kilang dan kenderaan.

Dijangka berakhir hujung minggu

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata pergerakan angin yang tidak kuat dan udara yang kurang, turut menyumbang kepada keadaan berkenaan.

"Bagaimanapun, keadaan ini hanya sementara dan dijangka

berakhir hujung minggu ini. Malah, dari pencerapan satelit, titik jerebu tidak banyak pun kelihatan di Malaysia," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Hisham berkata, jerebu ketika ini tiada kaitan dengan pembakaran terbuka di negara jiran kerana ia hanya melanda Lembah Klang, terutama di kawasan perindustrian.

"Namun, sekiranya berlarutan sehingga menjadi buruk, kami akan merujuk kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuat proses pembenihan awan.

BERNAMA

Sabah to draft quake-proof building code

State govt begins meeting experts

KOTA KINABALU: Sabah is taking the first step towards the drafting of a building code for earthquake-prone areas.

State Local Government and Housing Minister Datuk Hajiji Noor said senior ministry officers had met representatives of professional bodies, including engineers and surveyors.

"There will be more meetings and we are compiling the feedback from these professionals for submission to the state Cabinet," he said.

Hajiji said Sabah would also seek the experiences of other countries like Japan and Taiwan before drafting regulations to ensure future buildings could withstand severe tremors.

"If necessary, our officers will visit these countries to see for themselves the building designs and technology involved," he said.

On the Meteorological Services Department's warning that the east coast Lahad Datu district was another possible hotspot for seismic activity, Hajiji said his ministry was aware of this.

Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the authorities should be prepared to deal with potential earthquakes in Lahad Datu.

If necessary, our officers will visit these countries to see for themselves the building designs and technology involved.

Datuk Hajiji Noor

Che Gayah said the stress on the active faults had been building up.

Universiti Malaysia Sabah head of engineering programme Prof Dr Abdul Karim Mirasa said on Tuesday that existing multi-storey structures should be retrofitted with damping systems.

"I fear that if nothing is done we will have problems," said Prof Abdul Karim, who was involved in the design of the damping system for the Kuala Lumpur International Airport control tower to enable it to withstand earthquakes.

He said the designs of most buildings did not take earthquakes into account as they had not been deemed a serious problem in the country.



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Rabu

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 2.9 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 5.11 petang, kata [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Dalam satu kenyataan, jabatan itu berkata pusat gempa itu adalah pada 6 darjah Utara dan 116.7 darjah Timur dan 4 kilometer barat laut Ranau telah menghasilkan gegaran kawasan yang terjejas.

"Berdasarkan kepada lokasi dan magnitudnya, gempa bumi itu tidak dijangka menghasilkan tsunami yang boleh menjejaskan kawasan pantai Malaysia," menurut kenyataan itu.

Pada 5 Jun lalu, Ranau digegarkan oleh gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter yang meragut 18 nyawa.

--BERNAMA



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Sabtu Ini

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora dijangka berterusan di perairan Sabah (Pendalaman, Pantai Barat dan Kudat) serta Labuan sehingga Sabtu ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, angin barat daya itu dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter adalah berbahaya kepada kapal kecil, rekreasi dan sukan laut.

Angin kencang dan laut bergelora dijangka turut berlaku di perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Labuan sehingga Sabtu.

-- BERNAMA

Haze back in some parts of Malaysia



Gloomy skies: The view from Karpal Singh Drive in Penang.
— LIM BENG TATT / The Star

PETALING JAYA: The air quality has worsened slightly in some places in Malaysia.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri

G. Palanivel said that places like the Klang Valley and Nilai had moderate air quality due to small fires at local levels during the hot and dry weather.

As of 11am yesterday, the Air Pollution Index (API) of 15 areas recorded good air quality while another 31 areas had moderate air quality, he said in a statement.

"None of the areas recorded unhealthy air quality," he said.

The Malaysian Meteorological Department said the hazy conditions might worsen in the next two months, if the dry season continued.

"Recent observations show that Malaysia might encounter moderate transboundary haze if the heatwave continues.

Transboundary haze is the movement of haze from one country to another, explains

DON'T LET HAZE
CHOKE YOUR LIFE!

Breathe Air As...
Pure & Fresh
From Nature

SharpPlasmaclusterMalaysia
www.sharp.com.my

SHARP

Ion
Plasmacluster

Dr Hisham Mohd Anip, a senior meteorologist from the department's National Weather Centre.

He said there might be an increase in haze in Malaysia and neighbouring countries, even as far as north Australia, if the dry season progressed.

"Haze is normal in the month of June to August in Malaysia because we are in the southwest monsoon season, which is considered a dry season," he said.

Observations by the Meteorological Department also indicate that current temperatures are equivalent to a weaker version of the El Nino phenomenon.

"The intensity of this El Nino effect is predicted to increase from weak to moderate so the haze might worsen," he added.



Cabaran Sains Kebangsaan Di Smk Labuan

LABUAN, 1 Julai (Bernama) -- Cabaran Sains Kebangsaan 2015 peringkat negeri akan diadakan pada 3 Julai di SMK Labuan di sini, membabitkan lima pasukan dari SMK Labuan, SMK St Anne (dua pasukan) dan SM Sains Labuan (dua Pasukan).

Pertandingan itu ialah anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama anak syarikat ExxonMobil di Malaysia, Kementerian Pendidikan dan Rangkaian Saintis Muda (YSN-ASM).

ASM dalam kenyataan hari ini berkata 3,068 pasukan melibatkan 9,204 pelajar Tingkatan Empat di seluruh negara akan bertanding di peringkat awal.

"Enam belas pasukan akan dipilih untuk ke peringkat separuh akhir yang akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Empat pasukan terbaik akan berentap di final," kata kenyataan itu.

ASM berkata pemenang akan menerima Piala Perdana Menteri dan berpeluang menyertai lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden.

-- BERNAMA